

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : PUAN HAJAH SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF**

**SOALAN : NO. 438**

**Puan Hajah Siti Zailah Binti Mohd Yusoff [ Rantau Panjang ] minta MENTERI PENDIDIKAN TINGGI menyatakan statistik terkini pengangguran dalam kalangan siswazah serta jumlah mereka yang bekerja di bawah tahap kelulusan akademik mereka.**

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan Kajian Pengesanan Graduan yang dijalankan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) pada tahun 2017, graduan berstatus belum bekerja adalah 53,373 orang atau 20.9 peratus daripada 255,099 orang graduan. Bilangan graduan yang belum bekerja telah menurun sebanyak 3 peratus dalam tempoh 3 tahun dari tahun 2015 hingga 2017.